

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JANUARY 2017

# Bekas PM perlu tampil beri penjelasan

**PUTRAJAYA 27 Jan.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa tampil memberi penjelasan penuh terhadap dakwaan Bank Negara pernah mencatatkan kerugian sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) melalui kegiatan perdagangan mata wang sepanjang 1991 hingga 1993 ketika era pentadbirannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, penjelasan itu penting bagi membolehkan semua pihak mengetahui kerugian

yang dikatakan terbesar pernah dicatatkan dalam sejarah perbankan itu.

“Pemimpin yang terlibat ketika itu termasuk bekas Menteri Kewangan perlu menjawab dakwaan ini.

“Dahulu tiada media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya jadi banyak perkara yang tidak diketahui rakyat, namun kini dengan



**ABDUL RAHMAN**

kepesatan teknologi banyak perkara yang boleh diketahui,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas pendedahan bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid bahawa Laporan Tahunan Bank Negara 1994 hanya mencatatkan kerugian sebanyak RM9 bilion akibat kegiatan itu, sedangkan angka se-

benar adalah jauh lebih besar.

Kerugian yang dialami Bank Negara akibat kegiatan perdagangan mata wang itu didiamkan dan tiada tindakan lanjut diambil terhadap pihak terlibat.

Jawatan Menteri Kewangan ketika itu disandang oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Timbalan Perdana Menteri.

Terdahulu, Abdul Rahman menyampaikan amanat sempena majlis perhimpunan bulanan kepada kakitangan jabatan dan agensi di bawah portfolionya.

UM - 28/1/2017